

21/08/2004

Marina intai pasaran luar untuk 3R

By Khairull Azleyana Ishak

MENJADI anak kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad menyebabkan beliau sedar bahawa tanggungjawab sosial itu tetap menjadi tugas setiap insan walaupun selepas bersara daripada arena politik. Meneruskan tugas membangunkan masyarakat dengan mendidik mereka dengan kesedaran baru, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (MAF), Datin Paduka Marina Mahathir, yakin program televisyen 3R - Respek, Relaks dan Respon yang diusahakan sejak empat tahun lalu mampu bertahan untuk lima tahun lagi. Ingin mendapatkan cerita lebih lanjut mengenai 3R yang kini sudah mencapai taraf antarabangsa, Persada Seni menemuramah Datin Paduka Marina Mahathir untuk mendapatkan cerita dan perancangannya lebih lanjut.

PERSADA SENI (PS): Tahniah kerana 3R kini sudah berusia empat tahun dan nampaknya keluarga 3R juga sudah semakin besar dan meriah. Boleh Datin Paduka ceritakan serba sedikit bagaimana program seumpama 3R ini boleh dihasilkan dan sekali gus memberikan impak yang begitu mendalam pada jiwa remaja Malaysia.

DATIN PADUKA MARINA MAHATHIR (DPMM): Terima Kasih. Sebenarnya memang sukar untuk dipercayai apabila program seperti 3R boleh bertahan sehingga ke hari ini. Bercerita mengenai bagaimana boleh wujudnya program ini, 3R sebenarnya adalah idea saya dan Penerbit Eksekutif Bersama Lina Tan. Idea itu muncul ketika kami berbincang mengenai bagaimana saya dan MAF dapat mendidik masyarakat mengenai AIDS. Ketika itu mangsa utama Aids ialah wanita, remaja dan kanak-kanak dan golongan ini sering menjadi mangsa akibat kekurangan pengetahuan untuk melindungi diri mereka. Persoalannya bagaimana hendak mendidik golongan lemah ini untuk mengetahui lebih lanjut akan kesedaran dan hak mereka dalam mengelak daripada mendapat jangkitan penyakit ini. Selepas beberapa perbincangan Lina mendapat satu kesimpulan bahawa menerusi televisyen maklumat yang disampaikan adalah lebih jelas kerana semua orang menonton televisyen. Malah di Filipina ketika itu juga ada program seumpama ini di televisyen namun ia tidak bertahan lama. Akhirnya kami muncul dengan idea menghasilkan 3R yang tujuan utamanya untuk memotivasikan penonton dan masyarakat khususnya.

PS: 3R disampaikan dalam bentuk yang sungguh santai dan unik. Malah aspek dramatik yang ditonjolkan dalamnya dikuatkan lagi dengan lakonan yang cukup berkesan oleh hos 3R sendiri. Apakah agaknya kekuatan 3R dalam menyampaikan sesuatu isu?

DPMM: Ketika kita mula dulu, kita tidak sangka 3R akan memberikan kesan mendalam kepada masyarakat. Secara peribadi memang program ini agak unik sebab kita berpandukan isu yang sedia ada di sekeliling kita. Apa juga isu sama ada serius atau tidak kita tidak cuba untuk mencantikkannya. Ini bermakna isu itu disampaikan secara telus kepada penonton malah pada masa yang sama 3R juga memberikan jawapan atau penyelesaiannya dalam bentuk yang cukup santai. Bagi saya 3R juga umpama khidmat sosial yang saya usahakan untuk masyarakat kita sendiri. Saya juga rasa sangat bertuah kerana mendapat tenaga kerja yang cukup kuat dalam menghadapi cabaran dan kreatif dalam menyampaikan sebarang info menerusi 3R. Malah semasa uji bakat hos 3R sejak mula lagi kami mencari seseorang yang punyai kelebihan sedikit bukan saja dari segi kecantikan dan bakat malah kebolehan berfikir yang tinggi.

PS: Sejauh manakah pembabitan Datin Paduka dalam merancang dan menentukan hala tuju program remaja ini?

DPMM: Nak katakan saya sebagai tulang belakang dalam program ini tidak

juga. Kerana dari mula penghasilannya saya hanyalah sebagai ketua di unit Editorial saja. Di unit ini kita bincangkan banyak topik semasa dan kemudiannya kami adakan pula sesi brainstorm dalam mendapatkan bentuk persembahan program ini nanti. Setiap isu yang kita sampaikan pada setiap minggu akan menjalani beberapa proses tapisan. Bagi saya mungkin ketelitian inilah yang menjadikan 3R tetap diminati remaja khususnya hingga kini. Di samping itu kami juga mengambil berat siapakah penaja kami. Bukannya kami hanya mengambil penaja besar saja namun apa yang kami tekankan ialah keutamaan produk itu kepada wanita. Wanita juga bukan hanya consumer kepada barangan kewanitaan seperti syampu atau alat solek malah kita juga gunakan telefon bimbit dan komputer.

PS: Program 3R disasarkan khas untuk golongan wanita dan remaja khususnya. Bagaimanapun ia turut mendapat perhatian golongan lelaki. Apakah komen Datin Paduka mengenai hal ini?

DPMM: Bagi saya kekuatan yang dimiliki 3R ialah pendirian kita pada wanita itu sendiri. Kita tidak cuba tukar peranan wanita dalam masyarakat. Malah kita sering cuba sampaikan motivasi untuk gabungkan dan samakan kebolehan wanita dengan lelaki. Saya tidak sogokkan semangat feminisme semata-mata tetapi kita yang tunjukkan juga kepada golongan ini bahawa wanita boleh lakukan apa saja asalkan ada kekuatan dari dalam diri sendiri. Adalah satu kepuasan untuk mengetahui bahawa program ini turut disaksikan oleh lelaki kerana apabila mereka menonton rancangan sebegini diharapkan akan timbul kesedaran dan sekali gus mendidik mereka mengenai dunia seorang wanita.

PS: Khabarnya 3R sudah berada di negara jiran kita. Apakah hasrat di sebalik perkara ini dan sejauh mana nilai kemalaysiaan diterapkan dalam program ini?

DPMM: Seperti yang saya jelaskan tadi, program 3R adalah program untuk mendidik wanita muda dengan moto Respek, Relaks dan Respon. Wanita zaman sekarang bukan hanya duduknya di satu tahap saja. Wanita sudah mencapai tahap antarabangsa. Berdasarkan pengalaman ini saya bangga kerana program 3R sudah pun melebarkan sayapnya hingga ke Filipina dan mengikut perancangan tidak lama lagi 3R juga bakal menemui wanita di Indonesia, Thailand dan Vietnam. Kami juga menjual produk 3R kepada Singapura tetapi untuk Filipina, Indonesia, Thailand dan Vietnam kami hanya menjual konsep manakala hos, bahasa dan pengisiannya adalah dari perspektif negara itu sendiri. Saya juga merasa sangat bangga kerana difahamkan ini adalah pertama kali orang luar membeli produk Malaysia dan diharapkan langkah ini sebagai permulaan untuk meluaskan pengaruh produksi ini. 3R Filipina sudah menjadi kenyataan kerana ia kini dalam proses pembikinan bersama tiga pengacara muda dari Filipina sendiri iaitu Charl, 19, Anna, 25, dan Reem, 27. Walaupun menjual konsep, kami masih memegang kuasa mengawal kualitasnya dan kami juga menghantar Penerbit dan Pengarah 3R Malaysia, Anna Har ke Filipina untuk menyelia penerbitan 3R. Sebagai imbuhan, penonton Malaysia juga bakal mendapat berita mingguan mengenai aktiviti remaja Filipina. Ini sebagai percubaan dan kalau segalanya berjalan lancar, 3R akan mengorak langkah pula ke Indonesia selepas ini diikuti Thailand dan Vietnam.

PS: Adakah penjualan program ini lebih ke arah keuntungan dan apakah sudah dijalankan kajian luar untuk memperbaiki segmen dalam 3R?

DPMM: Mengenai prospek keuntungan daripada pembelian itu saya menganggap projek ini sebagai keuntungan jangka panjang. Malah apa yang mampu saya katakan ialah boleh tahan kerana ini baru permulaan. Namun saya juga berharap dapat mengharumkan nama Malaysia di negara itu. Sebagaimana Malaysian Idol atau Akademi Fantasia, kita tahu ia diambil dari Amerika dan Mexico begitu juga 3R dari Malaysia. Bagi saya keistimewaan 3R adalah kerana ia mempunyai originaliti dan belum ada dihasilkan di negara lain. Bagaimanapun saya pernah menyaksikan satu program yang hampir sama dengan

3R di Afrika tetapi ia lebih kepada drama saja.

PS: Selepas Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, ke manakah arah 3R selepas ini?

DPMM: Program 3R pernah menerima Anugerah Televisyen Asia 2002 di Singapura dua tahun lalu dan baru-baru ini saya sudah mengadakan pertemuan dengan Presiden Public Broadcasting System (PBS) di Amerika. Ini adalah antara usaha untuk jadikan 3R produk francais yang boleh disiarkan di seluruh dunia. Di Amerika walaupun mereka mempunyai berpuluh-puluh stesen televisyen swasta dan berbayar, namun program seperti 3R hampir tiada. Dari situ saya lihat 3R sebenarnya bukan saja unik di Malaysia malah di dunia. Selepas beberapa perbincangan, PBS nampak sangat berminat dengan 3R dan sudah mereka minta 'producer release' untuk mengkaji program ini. Mungkin tidak lama lagi siri 3R Malaysia akan ditayangkan di Amerika, doakan ya.

PS: Selepas 'meletup' di luar negara apa pula perancangan Datin Paduka untuk mengembangkan lagi program 3R di dalam negara?

DPMM: Mengenai perancangan masa depan, kami mempunyai beberapa perancangan yang sangat menarik. Namun kami masih mencari masa yang sesuai kerana hos 3R sendiri sibuk dengan pelbagai aktiviti. Saya sentiasa berbincang dengan Penerbit Eksekutif Bersama Lina Tan, dan Insya-Allah 3R mungkin akan muncul dengan beberapa siri bercorak kekeluargaan dan keibubapaan. 3R juga mungkin akan muncul menerusi filem 3R The Movie.

(END)